

Media	Bernama	Date	Monday, July 28, 2014
Headline	InfoWatch plans to launch 20 DLP projects in Malaysia http://www.bernama.com.my/bernama/v7/bm/bu/newsbusiness.php?id=1056728		

EKONOMI › BERITA

Infowatch Mahu Laksana 20 Projek Di Malaysia

KUALA LUMPUR, 28 Julai (Bernama) – InfoWatch, vendor pencegahan kehilangan data global berpangkalan di Rusia, merancang untuk melaksanakan sekurang-kurangnya 20 projek di Malaysia tahun ini dan tahun depan.

Pengarah Jualan Antarabangsa InfoWatch, Vadim Kuznetsov, berkata syarikat itu kini terlibat dengan lebih banyak rakan kongsi Malaysia serta melatih mereka bagi mengintegrasikan penyelesaiannya ke dalam proses perniagaan pelanggan.

"Kami sudah berada di Malaysia sejak akhir 2103 dan kini kami secara aktif membangunkan perniagaan kami melalui pengembangan rakan kongsi," katanya kepada Bernama dalam satu temubual baru-baru ini.

Setakat ini, InfoWatch mempunyai dua rakan kongsi di Malaysia. Ia telah melaksanakan projek perintis dengan syarikat Malaysia sejak awal tahun ini.

"Di Malaysia, InfoWatch bekerjasama dengan rakan kongsi dalam lima projek perintis besar di peringkat nasional di sektor awam, penjagaan kesihatan, pengurusan perhubungan pelanggan serta pengangkutan," kata Kuznetsov.

Menurutnya, Malaysia adalah pasaran penting untuk InfoWatch kerana syarikat tempatan lebih menumpukan kepada perlindungan data di dalam syarikat berikutan pelaksanaan Peraturan Perlindungan Data Peribadi 2013.

"Malaysia sangat maju dalam teknologi berbanding negara lain di rantau ini. Negara ini juga mempunyai kadar pendigitalan tinggi dalam kerajaan serta dokumentasi," katanya.

InfoWatch menggunakan penyelesaian pencegahan kehilangan data untuk perlindungan dalaman syarikat, iaitu mencegah maklumat dalaman daripada bocor daripada syarikat.

Syarikat itu mempunyai lebih 50 peratus pasaran Rusia dan Komanwel Negara Merdeka dalam sektor keselamatan maklumat korporat.

Ia juga beroperasi di Eropah Barat, Asia dan Timur Tengah.

– BERNAMA